

## **T.L.H.**

Di hari akhirat nanti  
Tentunya kami akan disoal  
Tentang ilmu yang diberi  
Tentang hamba Allah yang berjuang  
untuk kebenaran dan keadilan  
Dan kerana perjuangan ini  
Mereka dianiayai dan dikhianati  
Sehingga lebih mudah  
Untuk percaya mereka sebagai raksasa ganjil  
Nescaya mempercayai lain  
Membawa kemurkaan raksasa sebenar  
Bagaimanakah kamu gunakan ilmu yang diberi?  
Adakah kamu menghentak kepala di lantai  
Beribu ribu kali sehari  
Untuk melupakan kesalahan dunia?  
Soalan ini berat di dalam hati yang terganggu

~ Fadli Fawzi ~

[April, 2010]

---

*Karya:*

© *Mubammad Fadli Mubammad Fawzi*